

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 36

Bank digital dijangka jadi pencabar bank sedia ada

Bank digital dijangka jadi pencabar bank sedia ada

Tawar produk lebih inovatif, khidmat pantas penuhi keperluan pengguna

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Bank digital dijangka menjadi pencabar kepada bank sedia ada menerusi pengenalan produk dan perkhidmatan yang lebih mengikut penyesuaian, pada kos pertukaran lebih rendah, demikian mengikut penganalisis.

Ia juga dijangka menawarkan penggunaan lebih mudah dan pengalaman pelanggan lebih lan-

car dalam talian, melalui penggunaan pengaturcaraan aplikasi antara muka (API).

Affin Hwang dalam nota penyelidikannya, berkata ekosistem kewangan Malaysia jelas telah berkembang dengan kemunculan lebih banyak peserta perbankan bukan tradisional dalam ruang kewangan yang cuba meraih peluang mendapatkan pendapatan yuran transaksi melalui peralihan pengguna kepada pembayaran elektronik (e-pembayaran) menerusi kad kredit, kad debit dan e-wang (melalui kad prabayar atau e-dompet).

Katanya, pada masa sama gergasi e-dagang seperti Lazada, Shopee dan Atome juga menyertai persaingan ini dengan menawarkan perkhidmatan seperti 'Beli Sekarang, Bayar Kemudian', yang juga satu bentuk pembiayaan dan mula merebut pe-

nguasaan pasaran daripada bank sedia ada.

"Peralihan kepada mod pembayaran digital dipercepatkan semasa COVID-19 pada 2020 hingga 2021 dan kami mendapat penggunaan perbankan mudah alih meningkat ketara sejak 2020, dengan nilai transaksi mencecah RM459 billion, naik 125 peratus tahun ke tahun (oy), manakala pada 2021 meningkat lagi 74.3 peratus yoy kepada RM800 billion.

"Kami melihat transaksi seperti pengeluaran wang tunai dan pemindahan melalui ATM menurun pada 2020 hingga 2021," katanya.

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengumumkan penentuan lesen bank digital hujung bulan ini.

Objektif pelancaran bank digital adalah memenuhi agensi keterangkuman kewangan,

iaitu, untuk mendekati segmen kurang mendapat perkhidmatan dan penduduk, khususnya kawasan luar bandar yang mana adalah cadangan dalam Rangka Tindak Tindakan Sektor 2011-2020/2021-2026.

Penganalisis berkata, walaupun ketika ini negara mempunyai kadar penembusan perbankan tinggi iaitu 96 peratus, kemasukan bank digital ke dalam ekosistem akan mula memberi kesan dalam jangka masa terdekat dan mencipta nilai dalam jangka panjang.

Katanya, bank digital di pasaran yang lebih maju telah terbukti dapat mengurangkan masa mendapatkan kelulusan, sementara pengalaman pelanggan yang baharu adalah lebih pantas dengan penggunaan e-KYC atau pengesahan pengenalan identiti (ID) masa nyata.